

Ingatan PM pada peneroka

# 'Jangan mudah terima pihak menghasut benci kerajaan'

UM 23 DEC 1988

Oleh <sup>(P)</sup>  
Badrul Hisham Aziz

**K**UALA KUBU BAHARU 19 Dis. — Perdana Menteri mengingatkan masyarakat peneroka FELDA supaya jangan mudah menerima dan terpengaruh dengan kedatangan pihak - pihak tertentu ke skim untuk menghasut membenci kerajaan.

Katanya juga, jika masyarakat FELDA menerima kunjungan pihak tersebut ia kelak akan hanya merugikan mereka kerana kedatangan pihak itu hanyalah untuk mendapatkan sokongan bagi tujuan tertentu.

"Janganlah terlalu mudah mendengar cakap orang-orang yang datang ke rancangan FELDA kerana mereka ini hanya mengapi-apikan perasaan untuk membenci kerajaan, katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 3,000 orang peneroka dan keluarga FELDA Gedangsa di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir adalah dalam siri lawatannya ke daerah-daerah seluruh negara. Daerah Hulu Selangor merupakan yang pertama dilawatnya.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Muhammad Mohd. Taib dan anggota - anggota Exco kerajaan negeri serta ketua-ketua jabatan.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya berlaku sebarang persengketaan dan sesuatu yang kurang baik, pihak yang datang mengapi-apikan perasaan rakyat itu akan menghilangkan diri.

"Mereka hanya datang untuk mendapatkan sokongan tetapi jika kita tersalah langkah, kita akan rugi sedangkan mereka akan pergi ke tempat lain," ujarnya.

"Mereka akan pergi dengan kekayaan yang ada pada mereka dan yang tinggal kerugian adalah kita," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, masyarakat FELDA harus berhati-hati supaya tidak wujud pula nanti kelompok FELDA A dan B yang akhirnya akan mewujudkan huru-hara.

Beliau bagaimanapun melahirkan rasa yakinnya terhadap ketahanan masyarakat FELDA, khususnya di Gedangsa di mana mereka telah membuktikan boleh hidup aman dan damai walaupun mempunyai masyarakat majmuk.

Mengenai pembangunan di rancangan - rancangan FELDA, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi sokongan seperti mana yang pernah dilakukannya pada masa-masa lalu, khususnya ketika para peneroka belum lagi mendapat hasil penerokaan masing - masing.

"Semasa pihak lain menghadapi masalah utamanya dalam masa kemelesetan, para peneroka terus mendapat bantuan kerana hasrat kerajaan ialah untuk membantu rakyatnya," ujar beliau.

Bagaimanapun, beliau mengharapkan para peneroka jangan terlalu mengharapkan bantuan kerajaan sahaja kerana apa yang lebih penting ialah usaha yang gigih dan bersungguh - sungguh.

Mengenai keputusan kerajaan memberi hakmilik tanah kepada para peneroka, Perdana Menteri berharap para peneroka akan menggunakannya dengan baik supaya tanah-tanah FELDA yang telah dibuka di negara ini kekal sebagai estet terbesar di dunia.

Beliau juga berharap pemberian hakmilik itu akan mempertingkatkan mutu kerja yang menghasilkan daya pengeluaran yang tinggi.